

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan ada rancangan untuk mengembalikan sistem cukai GST. Apakah kesannya ke atas rakyat berpendapatan rendah dan impak terhadap ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sedang menjalankan kajian dan mendapatkan pandangan serta maklum balas pelbagai pihak berkepentingan mengenai kesesuaian untuk melaksanakan apa-apa model cukai kepenggunaan dengan mengambil kira semua aspek termasuk kelemahan sistem cukai jualan dan cukai perkhidmatan sekarang, serta kelemahan sistem GST terdahulu.
2. Kajian ini akan meliputi kesan ke atas ekonomi, kos sara hidup, kesan cukai ke atas harga barang serta keupayaan menangani kegiatan ekonomi gelap. Sebarang sistem cukai, samada ditambahbaik atau baharu, perlu bersifat mudah ditadbir dan tidak meningkatkan kos perniagaan di samping dapat mengukuhkan kedudukan fiskal negara.
3. Namun, Kerajaan tiada sebarang keputusan akan diambil dalam musim COVID-19 ini dan sehingga keadaan ekonomi telah pulih. Keutamaan pada masa ini adalah untuk menyokong usaha-usaha memerangi penularan COVID-19, melindungi rakyat dan menyokong perniagaan.

Sekian, terima kasih.